

**MOTIF EKSPATRIASI:  
SUATU KAJIAN DALAM KALANGAN EKSPATRIAT  
AKADEMIK DI UNIVERSITI ISLAM  
ANTARABANGSA MALAYSIA**



**MUHAMMAD SAFUAN YUSOFF**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**FAKULTI KEWANGAN ANTARABANGSA LABUAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2014**

**MOTIF EKSPATRIASI:  
SUATU KAJIAN DALAM KALANGAN EKSPATRIAT  
AKADEMIK DI UNIVERSITI ISLAM  
ANTARABANGSA MALAYSIA**

**MUHAMMAD SAFUAN YUSOFF**



**UMS**

**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN  
IJAZAH SARJANA**

**FAKULTI KEWANGAN ANTARABANGSA LABUAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2014**

## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

Ogos 2014

---

Muhammad Safuan Yusoff  
MG1221006T



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **MUHAMMAD SAFUAN YUSOFF**

NOMBOR MATRIK : **MG1221006T**

TAJUK : **MOTIF EKSPATRIASI: SUATU KAJIAN DALAM  
KALANGAN EKSPATRIAT AKADEMIK DI  
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA  
MALAYSIA**

IJAZAH : **IJAZAH SARJANA  
(PERNIAGAAN ANTARABANGSA)**

TARIKH VIVA : **29 OGOS 2014**

**DISAHKAN OLEH;**

**1.**

**Penyelia Utama**

Major (PA) Prof. Madya. Dr. Norazah Mohd Suki

Tandatangan

**2.**

**Penyelia Bersama**

Dr. Irma Wani Datuk Seri Panglima Othman

## PENGHARGAAN

Ucapan syukur Alhamdulillah dipanjatkan kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan kurniaNya dianugerahkan kekuatan, semangat, pertolongan dan keyakinan dalam diri ini dapatlah saya merealisasikan impian untuk menghasilkan sebuah wacana ilmu yang amat bermakna buat diri saya. Tanpa kesabaran, kesungguhan dan iltizam yang tinggi di dalam diri ini adalah mustahil untuk mencapai impian ini.

Tiada kata-kata yang lebih penting selain ucapan jutaan terima kasih yang tidak terhingga di tujukan khas kepada penyelia-penyelia saya Major (PA) Prof. Madya Dr. Norazah Mohd Suki dan Dr. Irma Wani Datuk Seri Panglima Othman di atas segala bimbingan, teguran, nasihat dan bantuan yang dihulurkan sepanjang tempoh masa tiga semester yang saya lalui untuk menyempurnakan tesis ini, hanya Allah S.W.T yang mampu membalas jasa kalian berdua. Tidak dilupakan penghargaan kepada Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah dan Prof. Madya Dr. Syed Nasirin Syed Zainol Abidin, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan, di atas peluang yang diberikan.

Dan yang terutama sekali mereka yang amat bernilai buat diri saya, tanpa mereka hilanglah sinar kebahagiaan di dunia ini yang ditujukan khas buat keluarga yang sangat disayangngi, ayahanda Yusoff Jantan dan bonda Samiah Keling yang sentiasa merestui dan mendoakan kejayaan anakanda, Insan yang sangat Istimewa buat diri ini, tidak pernah jemu memberi semangat keyakinan dan mampu bertahan dengan ragam kerenah diri ini yang adakalanya menguji kesabarannya, serta kekanda Norashikin Yusoff, Azrul Nizam, Mohd Rizuan Yusoff, Maisarah Suraya Fatin, adinda Nornabilah Yusoff dan penyeri keluarga kami si comel Qaira Nursyafiqah dan Malaika Rania kalian semua merupakan insan-insan pelengkap di dalam kehidupan ini, terima kasih di atas segala dorongan, sokongan, pengorbanan dan doa yang tidak pernah putus sampai ke hari ini.

Ikhlas dari Hati, Ikhlas dari Sanubari.

Muhammad Safuan Yusoff  
Ogos 2014

## ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenalpasti motif yang dipertimbangkan oleh ekspatriat akademik untuk berekspatriat secara umumnya ke Malaysia dan secara khususnya ke Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dengan bersandarkan kepada kerangka konseptual yang diperkenalkan oleh Thorn (2009). Kaedah kualitatif melalui kajian kes terhadap tiga puluh orang ekspatriat akademik di UIAM terlibat secara sukarela untuk ditemubual dengan menggunakan kaedah temubual semi struktur. Statistik deskriptif berkaitan demografi responden dianalisa menggunakan perisian computer *Statistical Package for Social Sciences (SPSS)* versi 21.0. Hasil dapatan penyelidikan mendapati terdapat tujuh motif utama telah ditemui yang mana enam daripadanya selaras dengan kerangka konseptual yang di gunakan iaitu budaya dan pengembaraan, kerjaya, ekonomi, perhubungan kekeluargaan, persekitaran politik, kualiti hidup dan prinsip moral. Prinsip moral merupakan penemuan baru kajian yang merujuk kepada falsafah, visi dan misi UIAM sebagai tempat membina kerjaya, status Malaysia sebagai sebuah negara Islam, budaya bermuzakarah ilmu yang menjadi sunnah masyarakat Islam, kepercayaan agama Islam yang menjadi tunggak amalan kehidupan dan kemudahan komuniti akademik ekspatriat Muslim untuk mendapatkan makanan halal di negara ini menjadi motif pemilihan UIAM. Motif memperkasa pembangunan kerjaya, meningkatkan ekonomi, menjalin silaturahim perhubungan, menaikkan taraf dan kualiti hidup, persepsi individu berhubung politik dan pegangan hidup individu dijadikan fokus kepada perbincangan serta dijadikan sebagai daya penarik pemilihan Malaysia sebagai negara dalam membangunkan kerjaya di UIAM. Alasan yang diberikan oleh ekspatriat akademik dalam melakukan ekspatriasi adalah disebabkan ketidakpuasan hati mereka dengan situasi negara asal yang dikaitkan dengan budaya dan pengembaraan, kerjaya, ekonomi, perhubungan kekeluargaan, kualiti hidup dan persekitaran politik yang menjadi motif responden melakukan keputusan untuk memperolehi peluang yang lebih baik di luar negara. Kajian ini memberikan sumbangan kepada Kementerian Pengajian Tinggi dan Pengurusan Tertinggi UIAM dalam merangka pelbagai dasar bagi mencari jalan penyelesaian menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh ekspatriat akademik, sekaligus menggalakkan kakitangan antarabangsa terus berkhidmat di UIAM. Halatuju penyelidikan masahadapan turut dibincangkan.

## **ABSTRACT**

### ***EXPATRIATION MOTIVES: A STUDY AMONG ACADEMIC EXPATRIATES AT INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA***

*This study aims to identify the motives that are generally considered by academic expatriates in Malaysia in particular to the International Islamic University Malaysia (IIUM) and in reliance on the conceptual frame work introduced by Thorn (2009). This is a qualitative case study involving thirty academic expatriates at IIUM. They were interviewed using a semi-structured interview. Descriptive statistics regarding the demographics of the respondents were analyzed using Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 21.0. The study discovers that there are seven main motives and that six of those are in line with the conceptual framework that was used which are culture and adventure, career, economic, family relationships, political environment, quality of life and the principles of life. The morality is a new discovery of this study that refers to the philosophy, vision and mission of IIUM as a place to build a career, the status of Malaysia as an Islamic country, a culture of sharing knowledge which becomes the "Sunnah" of the Muslim community, the Muslim religious beliefs becomes a fundamental practice of life and the academic community facility for Muslim expatriates to get halal food in this country has become a motif of selection for IIUM. The empowering motives of career development, economy improvements, fostering relationships, improvements of living standards and quality of life, perceptions of individuals in relation to politics and the individual's beliefs have become the focal points of discussion and act as a pulling factor for choosing Malaysia as a country for professional development. The reasons given by the expatriates academic in doing expatriations due to their dissatisfaction with the situation of their country of origin which is associated with culture, adventure, career, economics, family relationships, quality of life and a political environment that become the motives of the respondents to decide to get a better chance abroad. This study could be the footing for the Ministry of Higher Education and Management of IIUM in formulating various policies to solve any problems faced in regards to expatriate academics, as well as encouraging international staff to continue working in IIUM. The direction of this study in the mere future will also be discussed.*

## ISI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN CALON</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI ISI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii
<b>BAB 1: PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia	2
1.3 Pernyataan Masalah	8
1.4 Persoalan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	13
1.6 Kepentingan Kajian	13
1.7 Skop Kajian	14
1.8 Definisi Konsep	15
1.9 Pengorganisasian Tesis	17
<b>BAB 2: SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	19
2.2 Definisi Ekspatriat	19
2.3 Kerangka Konseptual Thorn (2009)	22
2.4 Kajian Ekspatriasi Antarabangsa Di Malaysia	25
2.5 Motif Ekspatriasi Ekspatriat Akademik Berdasarkan Thorn (2009)	29
2.5.1 Budaya dan Pengembaraan	30
2.5.2 Kerjaya	35
2.5.3 Ekonomi	42



2.5.4	Perhubungan Kekeluargaan	46
2.3.5	Persekitaran Politik	52
2.3.6	Kualiti Hidup	57
2.6	Implikasi Pembangunan Kendiri	59
2.6.1	Pengembangan Kerjaya Ekspatriat Berdikari	59
2.6.2	Pembentukan Jati Diri dan Sahsiah Peribadi	65
2.7	Ringkasan Bab	68

### **BAB 3: METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	69
3.2	Reka Bentuk Kajian	69
3.3	Persampelan Kajian	72
3.3.1	Ciri-ciri Sampel	72
3.3.2	Teknik Persampelan	75
3.3.3	Saiz Sampel	76
3.3.4	Demografi	78
3.4	Pengumpulan data	82
3.4.1	Protokol Temubual	83
3.4.2	Temubual Mendalam	84
3.5	Kajian Rintis	87
3.6	Analisis Data	92
3.6.1	Transkripsi	93
3.6.2	Pengekodan	94
3.7	Jaminan Etika	97
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan	99
3.8.1	Kesahan	99
3.8.2	Kebolehpercayaan	101
3.9	Ringkasan Bab	105

### **BAB 4: ANALISIS KAJIAN**

4.1	Pengenalan	106
4.2	Motif Ekspatriasi Ekspatriat Akademik UIAM	106
4.2.1	Budaya dan Pengembaraan	107

4.2.2	Kerjaya	113
4.2.3	Ekonomi	132
4.2.4	Perhubungan Kekeluargaan	139
4.2.5	Persekitaran Politik	143
4.2.6	Kualiti hidup	148
4.2.7	Prinsip Moral	155
4.3	Implikasi Terhadap Pembangunan Kendiri Berdasarkan Peribadi dan Kerjaya Ekspatriat Akademik UIAM	165
4.3.1	Pembangunan Kendiri Individu Berdasarkan Peribadi	165
4.3.2	Pembangunan Kendiri Individu Berdasarkan Kerjaya	170
4.4	Ringkasan Bab	183
<b>BAB 5: RUMUSAN DAN CADANGAN</b>		
5.1	Pengenalan	184
5.2	Rumusan dan Sumbangan Terhadap Data Empirikal	184
5.2.1	Motif Berekspatriat di UIAM	185
5.2.2	Implikasi Pembangunan Kendiri Ekspatriat Akademik UIAM	187
5.3	Sumbangan Terhadap Teoritikal	188
5.4	Rumusan dan Sumbangan Terhadap Literatur Pengurusan Ekspatriat	191
5.4.1	Budaya dan Pengembaraan	191
5.4.2	Kerjaya Ekspatriat	193
5.4.3	Ekonomi	196
5.4.4	Perhubungan Kekeluargaan	200
5.4.5	Persekitaran Politik	202
5.4.6	Kualiti Hidup	204
5.4.7	Prinsip Moral	205
5.5	Limitasi Kajian	209
5.5.1	Motif Ekspatriasi Ekspatriat Akademik Berdikari	210
5.5.2	UIAM Sebagai Institusi Kajian Kes Terpilih	211
5.5.3	Persampelan	212
5.5.4	Kejujuran Responden Kajian	213
5.5.5	Penyertaan Sukarela Responden Kajian	214
5.5.6	Elemen Berat Sebelah Penyelidik Tunggal	215

5.6	Halatuju Penyelidikan Masa Hadapan	216
5.7	Kesimpulan	218
	<b>RUJUKAN</b>	220
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	240
	<b>Lampiran A:</b> Borang Persetujuan	241
	<b>Lampiran B:</b> Soalan Temubual	243
	<b>Lampiran C:</b> Demografi	244



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.1:	Kemasukan Pelajar Antarabangsa Ke Universiti Awam dan Swasta dari Tahun 2002 sehingga 2010	6
Jadual 1.2:	Kedudukan 20 Buah Universiti Awam yang Mempunyai Bilangan Ekspatriat Akademik Tertinggi dari Tahun 2007-2012	9
Jadual 1.3:	Jumlah Kakitangan Ekspatriat Akademik di 20 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia Mengikut Jantina dari Tahun 2007 sehingga 2012	11
Jadual 1.4:	Jumlah Kakitangan Ekspatriat Akademik di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia dari tahun 2007 sehingga 2012	12
Jadual 3.1:	Profil Demografi Responden	79
Jadual 4.1:	Motif Berekspatriat Berdasarkan Budaya dan Pengembaraan	108
Jadual 4.2 (a):	Motif Berekspatriat Berdasarkan Kerjaya	114
Jadual 4.2 (b):	Motif Berekspatriat Berdasarkan Kerjaya	124
Jadual 4.3:	Motif Berekspatriat Berdasarkan Ekonomi	133
Jadual 4.4:	Motif Berekspatriat Berdasarkan Perhubungan Kekeluargaan	140
Jadual 4.5:	Motif Berekspatriat Berdasarkan Persekitaran Politik	144
Jadual 4.6 (a):	Motif Berekspatriat Berdasarkan Kualiti hidup	149
Jadual 4.6 (b):	Motif Berekspatriat Berdasarkan Kualiti hidup	150
Jadual 4.6 (c):	Motif Berekspatriat Berdasarkan Kualiti hidup	151
Jadual 4.6 (d):	Motif Berekspatriat Berdasarkan Kualiti hidup	152
Jadual 4.7:	Motif Berekspatriat Berdasarkan Prinsip Moral	156
Jadual 4.8 (a):	Implikasi terhadap Pembangunan Kendiri Berdasarkan Peribadi	166
Jadual 4.8 (b):	Implikasi terhadap Pembangunan Kendiri Berdasarkan Peribadi	169

Jadual 4.9 (a) :	Implikasi terhadap Pembangunan Kendiri Berdasarkan Kerjaya	171
Jadual 4.9 (b) :	Implikasi terhadap Pembangunan Kendiri Berdasarkan Kerjaya	174
Jadual 4.9 (c) :	Implikasi terhadap Pembangunan Kendiri Berdasarkan Kerjaya	176
Jadual 4.9 (d) :	Implikasi terhadap Pembangunan Kendiri Berdasarkan Kerjaya	179
Jadual 4.9 (e) :	Implikasi terhadap Pembangunan Kendiri Berdasarkan Kerjaya	181



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1:	Model Motif Pergerakan Merentasi sempadan Thorn (2009)	24
Rajah 2.2:	Kerangka Konseptual Kajian Ini	25
Rajah 3.1:	Kewarganegaraan Responden	80
Rajah 3.2:	Pengalaman Mengajar	81
Rajah 3.3:	Perancangan Mengajar di Malaysia	82



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Ekspatriat merujuk kepada individu yang bekerja di luar negara dan tinggal secara sementara di negara tempat mereka bekerja (Dowling *et al.*, 2008). Bidang pengurusan sumber manusia antarabangsa merangkumi dua kategori ekspatriat. Kategori pertama adalah ekspatriat yang dihantar oleh pihak majikan di negara asal untuk mewakili syarikat ke luar negara dan dikenali sebagai eksekutif korporat seperti pengurus syarikat. Manakala kategori kedua adalah ekspatriat berdikari yang melakukan keputusan untuk berekspatriat ke luar negara tanpa mewakili sebarang syarikat ataupun organisasi yang dikenali sebagai ekspatriat berinisiatif sendiri seperti ahli akademik (Dowling *et al.*, 2008). Justeru itu, kajian ini adalah berfokuskan kepada motif individu ekspatriat yang mengambil keputusan untuk berekspatriat ke luar negara berdasarkan inisiatifnya sendiri, bukannya dihantar oleh organisasi di negara asal.

Bagi negara membangun seperti Malaysia, fenomena kebanjiran tenaga kerja profesional dari luar negara semakin hari memperlihatkan peningkatan pesat (MOHE, 2011). Salah satu sektor yang menunjukkan peningkatan ketara dalam penggunaan tenaga profesional dari luar negara adalah datangnya dari sektor pendidikan negara iaitu ahli ekspatriat akademik antarabangsa yang ditawarkan berkhidmat di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia (IPTA). Berdasarkan Statistik Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dari tahun 2007 sehingga tahun 2012, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) berada di antara kedudukan teratas iaitu tempat pertama dari 20 universiti awam di Malaysia yang mempunyai bilangan ekspatriat akademik paling ramai (MOHE: Statistik Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia, 2007 sehingga 2012). Disebabkan itu kajian ini dilakukan bertujuan untuk menerokai Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) iaitu selaras dengan

statusnya sebagai sebuah universiti antarabangsa berupaya untuk mengekalkan kedudukannya di antara 20 universiti awam di Malaysia dengan mendahului jumlah kehadiran ekspatriat akademik antarabangsa. Justeru itu, matlamat utama kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti motif ekspatriasi ekspatriat akademik di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

## **1.2 Sejarah Latar Belakang Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia**

### **a. Sejarah Sistem Pendidikan Tinggi Negara**

Malaysia mempunyai proses sejarah pembentukan negara yang panjang dan rumit dalam mencapai kemerdekaan. Implikasi tersebut membawa keunikan di dalam sistem pendidikan yang berkembang seiring dengan perkembangan dan perubahan zaman. Sistem pendidikan tinggi Malaysia terbahagi kepada tiga peringkat iaitu zaman sebelum merdeka, zaman selepas merdeka dan sistem pendidikan semasa (Kaur *et al.*, 2008; Ujang, 2009). Meneliti susur galur sejarah pendidikan negara, selepas kemerdekaan pada tahun 1957 hingga tahun 1990an pertumbuhan Institusi Pengajian Tinggi dilihat kurang berkembang disebabkan oleh kekangan daripada sumber kewangan negara yang terhad (Machi, 2005). Namun begitu selepas tahun 1990an telah berlaku perubahan yang agak ketara dengan pertambahan bilangan institusi pengajian tinggi di negara ini. Perkara ini berlaku disebabkan sumber kewangan yang semakin kukuh dan permintaan yang semakin meningkat di kalangan masyarakat yang layak untuk menuntut di universiti (Tan, 2002; Machi, 2005).

Perkembangan sistem pendidikan ini dapat dirasai sehingga kini kerana dipengaruhi oleh faktor permintaan yang tinggi dalam masyarakat. Masyarakat pada masa kini telah mula sedar terhadap kepentingan ilmu pengetahuan dalam mengubah nasib kehidupan. Justeru itu ianya membawa kepada peningkatan bilangan institusi pengajian tinggi di negara ini, selaras dengan permintaan yang semakin meningkat. Dalam hal ini pendidikan tinggi bukan hanya dirujuk sebagai medium penyediaan pendidikan tinggi kepada warganegara tetapi juga dilihat sebagai suatu pendekatan yang diimplementasikan oleh kerajaan bagi menggerakkan ekonomi dan menjana kekayaan negara (Machi, 2005). Pendidikan tinggi negara merupakan suatu komoditi perniagaan yang lumayan, di samping



kaedah tradisional yang digunakan oleh kebanyakan negara untuk menjayakan industri pelancongan dan perkhidmatan bagi sesebuah negara (Machi, 2005). Walau bagaimanapun, dalam konteks Malaysia sebagai sebuah negara membangun, pendidikan tinggi masih dilihat sebagai suatu kaedah untuk membangunkan modal insan pakar dan berkemahiran yang mencukupi bagi tujuan menjayakan setiap perancangan pembangunan negara.

#### **b. Latarbelakang Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia**

Bagi merealisasikan matlamat Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pengajian tinggi dan percambahan ilmu di rantau ini menjelang tahun 2020, pelbagai usaha dan tindakan telah dilakukan sejak dahulu lagi. Dengan tertubuhnya Universiti Malaya, era pengembangan ilmu di Malaysia telah bermula (Laman Web UM, 2014). Di Malaysia terdapat tiga buah universiti yang menjadi perintis kepada penubuhan IPTA di Malaysia iaitu pertamanya Universiti Malaya yang ditubuhkan pada tahun 1962, bertujuan mewujudkan sebuah pusat pendidikan umum di mana semua kaum tidak mengira agama dan status ekonomi dapat bersama-sama mendapatkan peluang untuk mendapatkan ilmu (Laman Web UM, 2014). Kedua adalah Universiti Sains Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1969, setelah mendapat persetujuan dari Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang terhadap resolusi penubuhan sebuah kolej universiti di negeri tersebut. USM juga telah mendapat pengiktirafan antarabangsa sebagai Universiti Apex dan merupakan satu pencapaian yang terbaik diterima oleh universiti awam di Malaysia. Dengan pencapaian tersebut, Malaysia telah mengorak langkah untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan pengajian tinggi serantau menjelang tahun 2020 (Laman Web USM, 2014). Ketiga ialah Universiti Kebangsaan Malaysia yang telah ditubuhkan pada tahun 1970 dengan membuktikan bahawa Bahasa Melayu boleh dijadikan sebagai bahasa pengantar di peringkat universiti dan ini dapat dibuktikan dengan beberapa kejayaan yang telah dicapai oleh universiti ini (Laman Web UKM, 2014).

Manakala, peningkatan mobiliti antarabangsa dalam abad ke-20 dan menjelang abad ke-21 juga boleh dikaitkan dengan kadar permintaan bilangan ekspatriat akademik yang semakin meningkat di negara membangun seperti Malaysia (MOHE, 2007). Ini berpunca dari kekurangan bilangan ahli akademik

tempatan dan ketandusan individu yang mempunyai kepakaran dalam bidang khusus, seterusnya menggalakkan pengambilan ekspatriat akademik dari luar negara (Tham dan Kam, 2008; Tham, 2010). Malaysia turut mengakui kemasukan ekspatriat ke negara ini adalah untuk memenuhi kekurangan keperluan tenaga manusia mahir dan profesional dalam pelbagai bidang di mana dijangkakan bahawa negara ini masih memerlukan kepakaran asing bagi tempoh 10 hingga 20 tahun pada masa akan datang (Salleh, 2007; Nasurdin dan Soon, 2009).

Justeru itu, perkembangan zaman yang berlalu dengan begitu pantas dan permintaan yang tinggi dalam kalangan masyarakat yang layak menuntut di universiti, telah menyebabkan pihak kerajaan mengambil langkah drastik dengan penambahan sebanyak tujuh belas buah universiti awam yang mempunyai pelbagai bidang pengajian yang baru bagi menyediakan modal insan dan sumber tenaga kerja yang mempunyai kepakaran yang selari dengan perkembangan pelbagai industri di negara ini (Tan, 2002; Machi, 2005). Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) di Malaysia telah memasuki satu fasa yang baharu apabila tertubuhnya Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2004. KPT berusaha memberi suatu takrifan baharu kepada pendidikan tinggi (MOHE, 2007) iaitu bersandarkan kepada matlamat membangunkan serta mewujudkan persekitaran pengajian tinggi, menggalakkan bagi menghasilkan pusat ilmu yang unggul, melahirkan insan yang kompeten, berinovasi dalam memenuhi keperluan negara dan antarabangsa (MOHE, 2007).

Universiti awam di Malaysia dikategorikan kepada tiga kumpulan, iaitu universiti penyelidikan, universiti berfokus dan universiti komprehensif (MOHE, 2014). Sehingga kini pada tahun 2013, Malaysia mempunyai dua puluh buah IPTA (AUKU, 1971) yang terdiri daripada empat universiti penyelidikan, empat universiti komprehensif dan dua belas lagi adalah universiti berfokus. Universiti penyelidikan memberikan lebih tumpuan kepada bidang penyelidikan, manakala universiti berfokus tertumpu kepada bidang khusus yang berkaitan dengan penubuhannya, sementara universiti komprehensif menawarkan kepelbagaian kursus dan bidang pengajian kepada para pelajarinya (MOHE, 2014).

Manakala pertumbuhan universiti-universiti swasta yang semakin pesat membuatkan universiti awam perlu lebih berdaya saing dalam menghasilkan modal insan berkualiti yang sentiasa mempunyai daya saing dan berpengetahuan luas bagi membantu dalam meningkatkan lagi ekonomi serta pembangunan negara seiring dengan pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara iaitu Memperkasa Institusi Pengajian Tinggi (MOHE, 2007). Usaha untuk mencapai matlamat ini turut disokong oleh agensi yang memainkan peranan penting dalam sistem pengajian tinggi di Malaysia iaitu *Malaysian Qualification Agency (MQA)* yang merupakan badan tunggal yang menyelia dan menyelaras jaminan kualiti dan akreditasi pendidikan tinggi negara (MQA Portal, 2013).

### **c. Pengantarabangsaan IPT Malaysia**

Sistem pengajian tinggi di Malaysia perlu setanding dengan sistem pengajian tinggi di peringkat antarabangsa bagi memastikan reputasi yang dimiliki dapat menarik bilangan ekspatriat akademik untuk datang membina kerjaya di negara ini (Mohamad *et al.*, 2008). Proses pengantarabangsaan di dalam sistem pendidikan tinggi yang berlaku pada masa kini telah memberikan impak positif terhadap sistem pendidikan tinggi Malaysia (Mohamad *et al.*, 2008). Ini disebabkan berlakunya aliran kemasukan bilangan pelajar asing dan ahli ekspatriat akademik ke negara ini yang merentasi sempadan untuk mendapatkan peluang yang terbaik bagi diri mereka. Bagi memenuhi keperluan ini, institusi pengajian tinggi pastinya memilih dan mengambil ahli akademik yang mempunyai pengalaman dan kelayakan yang tertentu untuk berkhidmat dalam sesebuah organisasi. Kepentingan dalam menggunakan khidmat kepakaran dari luar negara bertujuan untuk memastikan organisasi mampu mencapai matlamat yang telah ditetapkan (Forster, 2000; Harvey *et al.*, 2011). Arah aliran yang wujud ini akan memberi ahli akademik dan pelajar memperolehi nilai pengalaman yang terbaik di peringkat antarabangsa. Dalam konteks pengantarabangsaan ini, pihak universiti bakal memperolehi kebaikan dan manfaat daripada tenaga pengajar luar negara yang berkhidmat di IPTA tempatan. Ilmu, kemahiran, kepakaran, teknologi dan cara pendekatan yang berbeza yang dibawa oleh ahli akademik daripada pelbagai negara ini berguna dalam membangunkan modal insan yang berguna untuk pembangunan negara (Richardson dan Mckenna, 2003; Caligiuri, 2006). Jadual 1.1 di bawah dapat

memperlihatkan bilangan kemasukan pelajar antarabangsa ke universiti di Malaysia yang mana perkara ini terjadi disebabkan tren pengantarabangsaan yang telah dilakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah pusat kecermerlangan pendidikan serantau. Kehadiran bilangan pelajar antarabangsa dari pelbagai negara di seluruh dunia telah menunjukkan peningkatan yang drastik dari tahun ke tahun yang mana ianya berjaya membuktikan bahawa sistem pendidikan yang ditawarkan di Malaysia adalah standing dengan negara maju lain.

**Jadual 1.1: Kemasukan Pelajar Antarabangsa ke Universiti Awam dan Swasta dari Tahun 2002 Sehingga 2010**

TAHUN	JENIS UNIVERSITI	
	Universiti Awam	Universiti Swasta
2002	5,045	22,827
2003	5,239	25,158
2004	5,735	25,939
2005	6,622	33,903
2006	7,941	36,449
2007	14,324	33,604
2008	18,486	50,679
2009	22,456	58,294
2010	24,214	62,705

Sumber : [http://www.mohe.gov.my/web\\_statistik/](http://www.mohe.gov.my/web_statistik/)  
(Dari Tahun 2002/2003/2004/2005/2006/2007/2008/2009/2010)

Diekses : 1 September 2014

#### **d. Institusi Kajian Kes**

Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merupakan sebuah universiti Islam di mana keunikannya yang berlandaskan konsep keIslaman berpandukan Al-Quran dan Sunnah. Falsafah UIAM telah diilhamkan berdasarkan kepada ayat Al-Quran, surah Al-'Alaq ayat 1 hingga 5. Manakala penubuhan dan kewujudan UIAM diperolehi dari saranan Konvensyen Pendidikan Muslim Sedunia pertama yang

bersidang di Makkah pada tahun 1398H (1977). UIAM meletakkan visi dan misi universiti sebagai pusat kecemerlangan pendidikan antarabangsa dalam penyepaduan ilmu pengetahuan Islam di dalam semua disiplin serta mengembalikan peranan umat Islam dalam semua cabang ilmu pengetahuan. Visi ini diusahakan menerusi empat aspek penekanan melalui misi universiti iaitu “*Integrasi, Islamisasi, Keantarabangsaan dan Kecemerlangan Menyeluruh*”. Tujuan utama UIAM ditubuhkan adalah untuk menghidupkan kembali konsep pembelajaran secara Islam dan meluaskan bidang pilihan kepada umat Islam dalam pengajian di peringkat tertinggi. Institusi yang dipilih ini juga telah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) (MQA Portal, 2013). Cadangan penubuhan UIAM lahir pada awal tahun 1982, apabila Tun Dr. Mahathir Mohamad mengarahkan Kementerian Pendidikan merancang dan menubuhkan sebuah universiti Islam di Malaysia, berlatarbelakangkan majoriti kakitangan akademik universiti yang berasal dari luar negara.


Penubuhan universiti ini memberikan kelebihan dalam memastikan universiti di Malaysia bersifat lebih kompetitif di persada antarabangsa. Kampus induk UIAM adalah seluas 700 ekar yang terletak di Gombak, Selangor. Pembinaan universiti ini sebahagiannya ditaja oleh Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan beberapa negara Islam lain. Hubungan antarabangsa universiti ini diuruskan di bawah tanggungjawab *International Cooperation and Exchange Office (ICEO)* berperanan mencapai sasaran universiti menuju pengantarabangsaan pada tahun 2015 dengan perancangan strategik 25% populasi pelajar berdaftar dari luar negara (Laman Web UIAM, 2014).

Sejajar dengan matlamat tersebut, UIAM telah menetapkan sasaran pengambilan kakitangan akademik antarabangsa setara dengan kemasukan pelajar antarabangsa. UIAM mempunyai dua kampus cawangan iaitu di Kuantan, Pahang dan kampus utama di Gombak, Selangor. Pusat Asasi UIAM terletak di Petaling Jaya, Selangor dan di Nilai, Negeri Sembilan. Keunikan terserlah universiti ini iaitu setiap fakulti pengajiannya dipanggil dengan gelaran “Kulliyah”. Antaranya *Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws (AIKOL)*, *Kulliyah of Islamic Revealed Knowledge and Human Sciences (KIRKHS)*, *Kulliyah of Economics and Management Sciences*

*(KENMS), Kulliyah of Engineering (KOE), Kulliyah of Architecture and Environmental Design (KAED), Kulliyah of Information and Communication Technology (KICT) (Laman Web UIAM, 2014).*

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Pemilihan institusi kajian kes di UIAM adalah disebabkan perbezaan universiti ini yang mana berbeza dengan 19 IPTA lain yang terdapat di Malaysia kerana berlatarbelakangkan konsep keIslaman yang jelas ditunjukkan di dalam visi, misi dan falsafahnya. Ianya juga disokong oleh kedudukan universiti ini yang telah mencatatkan kedudukan yang konsisten dalam pengambilan kakitangan antarabangsa iaitu di tempat pertama diantara dua puluh buah universiti awam sebagai universiti yang mempunyai bilangan ekspatriat akademik yang teramai pada tahun 2007, 2008, 2009, 2011, dan 2012 seperti yang terdapat di dalam Statistik Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi dari tahun 2007 sehingga tahun 2012 yang mana dapat dilihat melalui jadual 1.2 di bawah (MOHE: Statistik Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia, 2007 sehingga 2012).



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Jadual 1.2: Kedudukan 20 Buah Universiti Awam yang Mempunyai  
Bilangan Ekspatriat Akademik Tertinggi dari Tahun 2007-2012**

<b>IPTA</b>	<b>2007</b>	<b>K</b>	<b>2008</b>	<b>K</b>	<b>2009</b>	<b>K</b>	<b>2010</b>	<b>K</b>	<b>2011</b>	<b>K</b>	<b>2012</b>	<b>K</b>
UM	181	2	190	2	268	2	334	1	257	2	271	3
USM	125	3	187	3	177	3	146	3	137	4	128	7
UKM	33	10	55	8	60	7	62	9	62	9	65	10
UPM	48	6	62	5	63	6	107	7	125	6	173	5
UTM	39	8	58	6	64	5	118	6	193	3	223	4
UUM	6	13	12	15	14	15	17	14	57	10	83	8
<b>UIAM</b>	<b>313</b>	<b>1</b>	<b>320</b>	<b>1</b>	<b>322</b>	<b>1</b>	<b>330</b>	<b>2</b>	<b>346</b>	<b>1</b>	<b>354</b>	<b>1</b>
UNIMAS	45	7	56	7	60	7	69	8	72	8	73	9
UMS	50	5	48	10	48	8	119	5	122	7	135	6
UPSI	3	14	11	16	13	15	14	16	15	17	19	18
UiTM	88	4	109	4	128	4	132	4	133	5	323	2
UDM	3	14	6	17	10	17	19	13	19	16	34	14
USIM	19	11	1	19	39	10	36	11	14	18	16	19
UMT	0	16	38	11	16	14	15	15	40	12	45	13
UTHM	19	11	21	13	23	12	26	12	25	13	21	17
UTeM	16	12	22	12	20	13	26	12	24	14	30	16
UMP	2	15	15	14	27	11	36	11	52	11	61	11
UniMAP	37	9	49	9	47	9	60	10	57	10	56	12
UMK	0	16	1	18	4	18	13	17	23	15	31	15
UPNM	0	16	0	19	0	19	0	18	2	19	6	20

Petunjuk: **K** = Kedudukan

Sumber : [http://www.mohe.gov.my/web\\_statistik/](http://www.mohe.gov.my/web_statistik/)  
(Dari Tahun 2007/2008/2009/2010/2011/2012)

Diekses : 20 Oktober 2013

Seperti mana yang telah dijelaskan sebelum ini, tujuan utama mendapatkan tenaga profesional ataupun ekspatriat dari luar negara dan berkhidmat di Malaysia adalah salah satu cara untuk memberikan tenaga kerja tempatan mempunyai ilmu pengetahuan dan kepakaran yang terbaik ke arah mencapai status negara maju pada tahun 2020 (Kaur *et al.*, 2008). Melalui kerangka konseptual yang diambil dari Thorn (2009) yang diaplikasikan ke dalam kajian ini enam motif yang telah dikenalpasti sebagai pendorong kepada minat seseorang individu ekspatriat untuk berekspatriat adalah pertamanya budaya dan pengembaraan, kedua kerjaya, ketiga ekonomi diikuti dengan keempat perhubungan, kelima persekitaran politik dan yang terakhir adalah kualiti hidup. Enam motif yang dinyatakan itu membawa maksud yang sangat penting kepada seseorang individu ekspatriat apabila ingin mengambil keputusan untuk melakukan ekspatriasi. Setiap daripada motif tersebut membawa maksud yang jelas dalam menunjukkan betapa pentingnya motif-motif tersebut mempengaruhi sesebuah keputusan yang dibuat. Penyelidikan yang dilaksanakan

ini mengkaji rentetan dari fenomena kedatangan tenaga kerja profesional dari luar negara ini yang telah lama berlaku, namun ramai yang tidak menyedari bahawa penggunaan tenaga profesional ini telah menjadi salah satu kepada penyumbang utama kejayaan di dalam sesebuah sektor dalam negara ini.

Manakala dalam konteks kajian ini pula, penglibatan Institusi Pengajian Tinggi Awam mahupun Institusi Pengajian Tinggi Swasta dalam pasaran kerja global telah memperlihatkan peningkatan pengambilan ekspatriat akademik di Malaysia. Kehadiran ekspatriat akademik di dua puluh buah institusi pengajian tinggi awam Malaysia telah menunjukkan peningkatan yang drastik dari tahun ke tahun. Peningkatan ini dapat dilihat berdasarkan Jadual 1.3 di mana pada tahun 2007, iaitu terdapat seramai 1027 orang kakitangan ekspatriat akademik yang terdiri daripada 812 orang lelaki dan 215 wanita telah berkhidmat di IPTA seluruh Malaysia dan jumlah tersebut terus meningkat kepada 2151 orang pada tahun 2012 iaitu seramai 1577 orang lelaki dan 574 orang wanita (MOHE: Statistik Perangkaan Pengajian Tinggi Malaysia, 2007 sehingga 2012). Dalam masa lima tahun sahaja kemasukan ekspatriat akademik dari pelbagai negara ke Malaysia telah mencatatkan seramai 1124 orang. Berdasarkan peningkatan bilangan ekspatriat akademik di Malaysia pada tahun 2012, ianya mencatatkan kenaikan sebanyak lima hingga sepuluh peratus iaitu 2151 ekspatriat akademik (MOHE, 2011). Ini menunjukkan bahawa sektor pendidikan di Malaysia telah membuka peluang yang luas kepada individu ekspatriat yang berkeinginan untuk meneruskan kerjaya di Malaysia melalui langkah pengantarabangsaan yang dilakukan (MOHE, 2011).